



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN ORANG ASLI NEGERI PERAK 2026 PERKUKUH AGENDA PEMERKASAAN KOMUNITI SECARA INKLUSIF

SUNGAI SIPUT, 29 OGOS 2026 - Kerajaan terus komited memastikan masyarakat Orang Asli mendapat akses dan peluang yang saksama dalam agenda pembangunan negara melalui pendekatan yang inklusif, menyeluruh dan mampan.

Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri berkata, usaha memperkasa masyarakat Orang Asli bukan sahaja melibatkan pembangunan fizikal, malah merangkumi pendidikan, pembangunan modal insan, kemahiran, kepimpinan serta pemeliharaan jati diri dan warisan budaya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Orang Asli Negeri Perak 2026 di Orang Asli One Stop Centre (OAOSC), Bawong di sini. Konvensyen dan karnival tersebut menjadi platform menghimpunkan komuniti Orang Asli, memperkukuh keupayaan kepimpinan serta membina jaringan kerjasama antara komuniti dan pelbagai pihak berkepentingan.

Dalam bidang pendidikan, pelbagai inisiatif terus dilaksanakan bagi memperluas peluang kepada anak-anak Orang Asli. Pencapaian lima calon Orang Asli yang memperoleh kombinasi gred A+, A dan A- bagi semua mata pelajaran dalam SPM 2025, serta 1,768 calon yang layak memperoleh sijil SPM, membuktikan potensi besar komuniti tersebut apabila diberikan peluang dan sokongan sewajarnya.

Kerajaan turut memperluas peluang melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), termasuk Program TVET Orang Asli di Perak bagi membantu komuniti meningkatkan kemahiran serta mendapatkan peluang kerjaya dan keusahawanan.

Dalam usaha memperkukuh pembangunan generasi muda, penubuhan Angkatan Belia Orang Asli MADANI (ABOAM) turut dicadangkan sebagai langkah strategik untuk menghimpunkan belia berpotensi dan memperkukuh kepimpinan serta jaringan pembangunan komuniti Orang Asli.

AKM akan terus komited sebagai rakan strategik kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam memperkasa masyarakat Orang Asli melalui pembangunan modal insan, pengukuhan jati diri dan kesedaran kenegaraan demi memastikan komuniti ini terus maju serta memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
29 Ogos 2026

-TAMAT -